

**HAMKA'S APPROACH TO DA'WAH AND POLITICS: AN ANALYSIS OF THE INTERPRETATION OF VERSES RELATED TO THE PROPHETIC BIOGRAPHY**

**PENDEKATAN HAMKA DALAM DAKWAH DAN POLITIK: ANALISIS PENTAFSIRAN AYAT-AYAT BERKAITAN SIRAH NABAWIYYAH**

Mohd Arubi Ismail<sup>i</sup>, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi<sup>ii</sup>, Musa Mohamad<sup>iii</sup> & Mohd Zamrus Ali<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). arubiismail@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadbazli@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). musa86@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zamrus@usim.edu.my

**Article Progress**

**Received:** 28 October 2025

**Revised:** 21 November 2025

**Accepted:** 30 December 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>Da'wah and politics are two important components of Islam that complement each other in carrying out the duties of the vicegerency. However, both components are often discussed separately, the integration of them is rarely discussed in depth especially based on the interpretation of the Quran. This study aims to examine the da'wah and political approach highlighted by Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) through Tafsir al-Azhar, especially in interpreting verses related to Life of the Prophet Muhammad P.B.U.H. in a contemporary context. The verses of Sirah Nabawiyyah were chosen for study because the Prophet P.B.U.H serves as a guide in preaching and politics. This study is qualitative in nature, employing content analysis of HAMKA's interpretations of Qur'anic verses related to the Sirah Nabawiyyah. The selection of verses is based on previous scholarly works, authoritative tafsir, and historical context. The data are analysed inductively and thematically to identify HAMKA's da'wah and political approaches, and literature triangulation is used to strengthen the reliability of the findings. The findings of the study show that HAMKA does not only discuss textually, but also emphasizes contextual and practical descriptions related to da'wah and politics. HAMKA's da'wah approach is focused on aspects of the personal formation of the preacher, the basics of faith, the application of jurisprudence in contemporary times, moral values, as well as responses to social issues. Meanwhile, his political approach is focused on aspects of Islamic political values, the concept of nationalisme and the policies of administration and management of the country based on Sirah Nabawiyyah. This study concludes that HAMKA's approach has the potential to become a primary reference in understanding the relevance of Sirah Nabawiyyah in addressing contemporary da'wah and political challenges. This article contributes to a broader understanding of the relevance of the Sirah Nabawiyyah as a guide to be practiced in modern times.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Da'wah, Politic, HAMKA, Tafsir al-Azhar, Sirah.</i></p>
-----------------	---

<b>Abstrak</b>	<p><i>Dakwah dan politik merupakan dua komponen penting dalam Islam yang saling melengkapi dalam melaksanakan tugas kekhilafahan. Meskipun begitu, kedua-duanya sering dibincangkan secara berasingan, integrasi kedua-duanya jarang dibincangkan secara mendalam khususnya berdasarkan tafsiran al-Quran. Kajian ini bertujuan meneliti pendekatan dakwah dan politik yang diketengahkan oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) melalui Tafsir al-Azhar, khususnya dalam mentafsir ayat-ayat berkaitan Sirah Nabi Muhammad SAW dalam konteks kontemporari. Ayat-ayat Sirah Nabawiyah dipilih untuk dikaji kerana Nabi SAW merupakan panduan dalam berdakwah dan berpolitik. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui analisis kandungan huraian HAMKA terhadap ayat al-Quran berkaitan Sirah Nabawiyah. Pemilihan ayat dibuat berasaskan rujukan karya terdahulu, tafsir muktabar dan konteks sejarah. Data dianalisis secara induktif dan tematik bagi mengenal pasti pendekatan dakwah dan politik HAMKA serta triangulasi literatur digunakan bagi mengukuhkan kebolehppercayaan dapatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa HAMKA bukan hanya mengupas secara tekstual, malah menekankan huraian yang bersifat kontekstual dan praktikal berkaitan dakwah dan politik. Pendekatan dakwah HAMKA tertumpu pada aspek pembentukan peribadi pendakwah, asas-asas akidah, aplikasi hukum pada zaman kontemporari, nilai-nilai akhlak, serta respons terhadap isu-isu kemasyarakatan. Sementara itu, pendekatan politik beliau pula tertumpu pada aspek nilai-nilai politik Islam, konsep kenegaraan dan dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan negara berteraskan Sirah Nabawiyah. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan HAMKA berpotensi menjadi rujukan utama dalam memahami relevansi Sirah Nabawiyah bagi menangani cabaran dakwah dan politik semasa. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman lebih meluas terhadap relevansi panduan Sirah Nabawiyah untuk dipraktikkan pada zaman moden.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Dakwah, Politik, HAMKA, Tafsir al-Azhar, Sirah.</i></p>
----------------	--

## PENDAHULUAN

Mempelajari dan mengkaji Sirah Nabi SAW adalah satu tuntutan ke atas umat Islam kerana padanya terdapat panduan dan pengajaran berkaitan seluruh aspek kehidupan. Mempelajari *Sirah Nabawiyah* bukan terbatas pada mengetahui fakta sejarahnya sahaja, namun tujuannya adalah untuk mengeluarkan pengajaran dan aplikasinya dalam semua aspek termasuk akidah, hukum, akhlak, dakwah, politik, pendidikan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Allah S.W.T berfirman:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Maksudnya, “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” (Al-Quran. Al-Ahzab: 21).

*Sirah Nabawiyah* merupakan ilmu berkaitan pensejarahan kehidupan Nabi Muhammad SAW bermula dari kelahiran sehingga kewafatan, meliputi peristiwa-peristiwa yang berkaitan seperti kenabian, dakwah, peperangan, perbuatan, ucapan, perakuan, akhlak dan sebagainya (al-Ghawri, 2016). Al-Quran merupakan sumber utama bagi Fiqh al-Sirah, iaitu maklumat peristiwa serta pengajaran berkaitan Sirah Nabi SAW. Al-Quran tidak menceritakan *Sirah Nabawiyah* secara terperinci, namun terdapat banyak ayat yang menceritakan tentang beberapa peristiwa tertentu.

Menurut al-Sharqawi (2007) pembentangan al-Quran terhadap Sirah Nabi SAW bukan sekadar menyebut peristiwa semata-mata, tetapi dinyatakan juga analisis, pengajaran dan pedoman daripadanya. Kadang-kadang al-Quran menyerahkan kepada pembaca untuk menggali pengajaran daripadanya. Oleh yang demikian, di sinilah pentingnya merujuk kepada Tafsir al-Quran untuk memahami maksud dan pengajaran ayat-ayat berkaitan *Sirah Nabawiyah*.

Setiap ahli Tafsir pula mempunyai pendekatan dan sumbangan yang berbeza dalam kupasan mereka sesuai latar belakang dan kecenderungan masing-masing. Dakwah dan politik merupakan dua komponen penting dalam Islam yang saling melengkapi dalam melaksanakan tugas kekhalifahan di muka bumi. Dakwah berfungsi sebagai usaha menyampaikan ajaran Islam secara menyeluruh kepada individu dan masyarakat, manakala politik berperanan sebagai alat strategik untuk merealisasikan nilai-nilai tersebut dalam sistem sosial, ekonomi dan pemerintahan.

Hubungan antara dakwah dan politik bersifat organik dan fungsional, kerana pelaksanaan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan bernegara hanya dapat dicapai melalui sistem politik yang beretika, berasaskan tauhid, dan bertujuan memperjuangkan kebenaran serta keadilan (Day, 2005). Para pendakwah perlu menjadikan Sirah Nabi SAW sebagai rujukan dalam berdakwah untuk memastikan seruan yang disampaikan berkesan.

Oleh itu, *Sirah Nabawiyah* perlu dijadikan sumber untuk mengetahui peringkat sejarah dakwah, ciri-ciri, peringkat, tujuan, strategi dan pengajaran berkaitannya untuk dipraktikkan di medan yang sebenar (al-Buti, 1998; Sayyid Qutb, 2009). Ahli politik juga perlu menjadikan Nabi SAW sebagai panduan dalam berpolitik. Hal ini kerana, menurut Sukron Amin (2017), ajaran yang dibawa oleh Nabi SAW bukan semata-mata sistem akidah atau sekumpulan doktrin, melainkan menciptakan kriteria politik Islam yang unik dan universal.

Nabi SAW menyatukan kaum Arab dengan ajaran tauhid, dalam masa yang sama menjadikan masjid sebagai pusat peradaban dan politik. Baginda membangun suatu kekuatan politik baru dan berjaya membentuk sebuah negara berperlembagaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti pendekatan seorang tokoh dalam Tafsir al-Quran sekaligus pendakwah dan ahli politik terkemuka di Rantau Nusantara iaitu HAMKA dalam menafsirkan ayat-ayat *Sirah Nabawiyah*.

Tumpuan kajian adalah menganalisis pendekatan dakwah dan politik HAMKA dengan melihat sejauh mana beliau memanfaatkan aspek Sirah Nabi SAW dalam berdakwah dan berpolitik. Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau HAMKA dikenali sebagai seorang ilmuan Islam moden pada zamannya, yang giat berdakwah dalam pelbagai lapangan.

Hasil dari penelitian Hidayah Pratami (2020) mendapati bahawa HAMKA umumnya menggunakan dua kaedah utama dalam berdakwah, pertama, *bi al-qalam* iaitu melalui penulisan di majalah, surat khabar dan buku, kedua, *bi al-lisan* iaitu melalui ucapan, ceramah, diskusi dan nasihat. Dakwah HAMKA sangat bijaksana atau *bi al-hikmah* sehingga pendengar mampu melaksanakan apa yang didakwahkan atas kemahuannya sendiri, tidak merasa ada paksaan, konflik, mahupun rasa tertekan.

Justeru itu, Yusry Affandy (2019) menegaskan bahawa masyarakat perlu mencontohi kreativiti HAMKA dengan menjadikannya sebagai inspirasi dalam menyampaikan pandangan dan ilmu Islam dengan memanfaatkan pelbagai medium untuk berdakwah. Selain bidang dakwah, HAMKA juga terlibat secara aktif dalam perkembangan politik di Indonesia.

Menurut Ahmad Khoirul Fata (2020), HAMKA aktif dalam organisasi Muhammadiyah dan Majelis Ulama Indonesia (MUI), beliau menggunakan kedua platform tersebut untuk menyuarakan pandangan politik Islam yang moderat dan relevan. Sebagai ketua MUI, HAMKA mengeluarkan fatwa-fatwa yang bernuansa politik. HAMKA pernah menjadi anggota Konstituante selepas Pemilihan Umum (PEMILU) 1955, di mana beliau memperjuangkan dasar negara yang berasaskan Islam.

HAMKA melihat Islam dan nasionalisme tidak bertentangan. Baginya, nasionalisme Indonesia harus dibangun atas dasar nilai-nilai moral dan etika Islam. Walaupun akrab dengan penguasa, HAMKA menunjukkan ketegasan prinsip dengan mengkritik pemerintah dalam perkara yang dianggap bertentangan dengan nilai keadilan dan prinsip agama. Selain itu, melalui tulisan-tulisannya, HAMKA menyampaikan idea-idea politik Islam yang damai, toleran, dan berpihak pada keadilan sosial. Buku dan artikel beliau menjadi rujukan dalam memahami politik Islam Indonesia yang progresif namun tetap berakar pada nilai-nilai syariah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan perancangan menyeluruh yang menentukan bagaimana sesuatu penyelidikan dijalankan bagi menghasilkan data yang sahih dan relevan (Piaw, 2014). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tumpuan kepada analisis kandungan teks. Sumber utama analisis ialah Tafsir al-Azhar karya HAMKA, khususnya huraian beliau terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan peristiwa Sirah Nabawiyah.

### **1. Proses Penentuan Ayat-Ayat yang Dikaji**

Untuk memastikan ketepatan dan keselarasan data, proses penentuan ayat yang dikaji dilakukan melalui beberapa langkah sistematik:

#### **Rujukan kepada Karya Ilmiah Terdahulu**

Pengkaji merujuk kompilasi ulama dan sarjana yang memetakan ayat-ayat al-Quran berkaitan kronologi Sirah Nabawiyah, antaranya rumusan oleh Marzuq (1994), al-Humaydan (t.t) dan Ali 'Abid (2011). Senarai ayat ini dijadikan asas awal mengenal pasti kelompok ayat rujukan bagi setiap peristiwa.

#### **Pengesahan Silang dengan Kitab Tafsir Lain**

Bagi memastikan ketepatan pemetaan ayat, pengkaji melakukan semakan silang dengan beberapa kitab tafsir muhtabar seperti Tafsir Ibn Kathir (1998), al-Qurtubi (1964), dan Fi Zilal al-Qur'an (2009). Langkah ini mengelakkan berlakunya pengabaian ayat-ayat berkaitan atau kekeliruan tentang konteks penurunannya.

#### **Penilaian Berdasarkan Konteks Peristiwa Sirah**

Setiap ayat yang tersenarai diteliti semula berdasarkan konteks sejarah untuk memastikan ia benar-benar berkait langsung dengan peristiwa Sirah tertentu.

#### **Pemilihan Muktamad Ayat Berdasarkan Fokus Kajian**

Hanya ayat yang mempunyai huraian HAMKA yang jelas dan signifikan terhadap aspek dakwah atau politik dipilih sebagai sampel analisis. Ini memastikan dapatan kajian benar-benar menggambarkan pendekatan dakwah dan politik HAMKA.

### **2. Proses Pengumpulan dan Analisis Data**

Setelah ayat-ayat dimuktamadkan, huraian HAMKA terhadap ayat-ayat tersebut dikumpul dan dianalisis melalui:

#### **Kaedah Induktif**

Melalui kaedah ini, penyelidikan dilakukan terhadap data-data yang dikumpul sebelum membuat generalisasi teori dan rumusan konsep (Nik Mat et al., 2021). Data dianalisis bermula daripada pemerhatian terhadap perincian huraian HAMKA sebelum digeneralisasikan kepada konsep dan tema besar berkaitan pendekatan dakwah dan politik.

### Analisis Kandungan

Analisis dilakukan secara tematik melibatkan proses mengenal pasti kata kunci penting dalam huraian HAMKA, mengkategorikan mesej dakwah dan politik yang diulang oleh HAMKA, membandingkan konsistensi pendekatan HAMKA merentasi peristiwa Sirah yang berbeza.

### Triangulasi Literatur

Untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan, penjelasan HAMKA dibandingkan dengan pendapat ahli Sirah dan ilmuan lain serta kajian akademik kontemporari tentang pemikiran HAMKA. Langkah ini bagi memastikan analisis tidak bersifat unilateral tetapi disokong oleh sandaran ilmiah yang kukuh.

### Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan peristiwa-peristiwa terpilih sahaja iaitu Permulaan Penurunan Wahyu, Hijrah ke Madinah, Perang Badar al-Kubra, Perang Uhud, Perang Bani Nadhir, Perang Ahzab, Peristiwa al-Ifk, Pembukaan Kota Mekah, Perang Hunain, Peperangan Tabuk dan Peristiwa Haji Tahun ke-9 Hijrah.

Jadual di bawah menjelaskan ayat-ayat utama yang menyentuh peristiwa-peristiwa tersebut sebagaimana yang dirumuskan Marzuq (1994), al-Humaydan (t.t) dan Ali 'Abid (2011):

Peristiwa	Surah & Ayat
Permulaan Penurunan Wahyu	Al-Hijr: 94; al-Syu'ara': 214-216; al-Syura: 51; al-Najm: 5-18; al-Muzammil: 1-6; al-Muddaththir: 1-5; al-Dhuha: 1-5; Al-'Alaq: 1-5; al-Masad: 1-5
Hijrah ke Madinah	Ali Imran: 103 & 195; al-Anfal: 30 & 72; al-Taubah: 20, 38-41 & 108; Yasin: 9; al-Hasyr: 8-10; al-Mumtahanah: 10-12; al-Qasas: 75
Perang Badar al-Kubra	Ali Imran: 13, 123-125; al-Anfal: 1, 7, 12, 14-16, 41-51, 67-71, 123-128; al-Hajj: 19; al-Qamar: 45
Perang Uhud	Ali Imran: 121-122, 137-155, 156-160, 169-171; al-Anfal: 36; al-Ahzab: 23
Perang Bani Nadhir	Al-Ma'idah: 11; al-Anfal: 30; al-Hasyr: 2-6 & 11-14
Perang Ahzab	Al-Nisa': 51-54, al-Nur: 62-63; al-Ahzab: 9-25 & 26-27
Peristiwa al-Ifk	Al-Nur: 11-16 & 22-26
Pembukaan Kota Mekah	Al-Fath: 1-23 & 24-27; al-Isra': 81; al-Hadid: 10; al-Mumtahanah: 1-9; al-Nasr: 1-3
Perang Hunain	Al-Taubah: 25-27
Peperangan Tabuk	Al-Taubah: 28-29, 37-38, 42-49, 53, 64-66, 74, 79, 81-83, 86-89, 91-96, 101-108, 117-118 & 120-123
Peristiwa Haji Tahun ke-9 Hijrah	Al-Taubah: 1-3

Justeru, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada huraian-huraian HAMKA terhadap ayat-ayat yang disenaraikan dalam jadual di atas sahaja dengan menganalisis aspek pendekatan dakwah dan politik yang diketengangkannya.

### LATAR BELAKANG HAMKA DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG DAKWAH DAN POLITIK

HAMKA merupakan figura terkenal yang mempunyai pelbagai bakat dan peranan. Beliau merupakan seorang agamawan, pendakwah, ahli politik, wartawan, penulis, pendidik dan tokoh pembaharuan sekaligus sasterawan yang banyak menghasilkan karya (Raihan, 2019). Ketokohan beliau sebagai ilmuan dakwah dan aktivis politik tidak hanya diperakui

di Indonesia, malah seluruh Nusantara iaitu meliputi Malaysia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

### **Kelahiran, Pendidikan dan Kerjaya**

HAMKA adalah anak lelaki seorang pelopor Gerakan Pembaharuan Indonesia di Minangkabau yang bernama Dr. Syeikh Abdul Karim Syeikh Amrullah (Rusydi, 2010). HAMKA (2009) mencatatkan bahawa beliau dilahirkan pada petang Ahad, 16 Februari 1908 bersamaan 13 Muharram 1326 di kampung yang bernama Tanah Sirah, Nagari Sungai Batang, Maninjau, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia.

HAMKA mendapat pendidikan berkaitan agama Islam semasa kecil secara langsung dari kedua ibu bapanya di rumah. Pemikiran dan pendekatan ayahnya banyak mempengaruhi kefahaman HAMKA tentang agama. Ayahnya yang lebih popular dengan gelaran Haji Rasul merupakan ulama gerakan pembaharuan di Minangkabau yang banyak menentang perkara-perkara khurafat dan bid'ah yang berlaku dalam masyarakat. Ibunya bernama Syafiah binti H. Zakaria Bagindo Nan merupakan wanita yang dilahirkan dalam keluarga yang dihormati di Maninjau (Rusydi, 2010).

Pada tahun 1916, HAMKA belajar di sekolah rendah pada waktu pagi, sekolah agama pada waktu petang, dan kelas tambahan pada waktu malam. HAMKA hanya melalui pembelajaran secara formal sehingga darjah dua sahaja, ini kerana pada tahun 1918 ketika umur beliau 10 tahun, ayahnya mendirikan pusat pengajian yang dinamakan "Sumatera Tawalib" dan beliau menjadi murid di sekolah tersebut.

Di institusi tersebut, HAMKA mendalami pelbagai disiplin ilmu agama serta bahasa Arab. Namun begitu, beliau tidak menamatkan keseluruhan kurikulum sehingga ke peringkat ketujuh seperti yang ditetapkan, sebaliknya hanya mengikuti pembelajaran hingga peringkat keenam. Seterusnya, atas inisiatif ayahnya, HAMKA dihantar untuk berguru dengan seorang ulama tersohor di Sumatera Barat, iaitu Syeikh Musa Parabek, selama beberapa bulan (Hamka, 2007).

HAMKA meneruskan lagi pengajiannya dengan beberapa tokoh cendekiawan seperti Angku Mudo Abdulhamid dalam bidang Tafsir dan Fiqh, Haji Omar Said Cokroaminoto dalam bidang Pemikiran Islam, Soeryopranoto dalam bidang Sosiologi, H. Fakhruddin dalam Ilmu Tauhid, Ahmad Rashid Sutan Mansur dalam Pembaharuan Islam (Hamka, 2007), Ki Bagus Hadikusumu dalam bidang Turath Islam, K.H Mas Mansur dalam bidang Falsafah dan Sejarah, serta ilmuan-ilmuan lain (Nizar, 2012).

Pada bulan Februari 1927, HAMKA bermusafir ke Mekah al-Mukarramah untuk menunaikan haji di samping mendalami ilmu agama dan bahasa Arab (Alfian, 2014). Ironinya, pengajian yang tidak formal ini menyumbang kepada penguasaannya terhadap pelbagai cabang ilmu. Para pengkaji merumuskan bahawa HAMKA seorang tokoh autodidak yang berjaya, beliau menguasai kepelbagaian ilmu pengetahuan dan memiliki pengalaman yang luas.

Beliau mampu belajar sendiri tanpa bantuan atau dengan bantuan yang minimum daripada guru. Rumusan ini adalah disebabkan banyaknya karya-karya ilmiah HAMKA serta gelaran-gelaran akademik yang diberikan kepadanya sama ada semasa hayat atau selepas kematiannya (Ismail, 2023). Pencapaian ini seolah-olah tidak setara dengan latar belakang pengajiannya.

Faktor utama pencapaian luar biasa HAMKA ialah beliau giat menjalankan penyelidikan sendiri terhadap sumber-sumber ilmu seperti falsafah, sastera, sosiologi dan politik (Affandy, 2019). Antara gelaran keilmuan dan peranan akademik yang dikurniakan kepada HAMKA ialah Gelaran Tuanku Syeikh, Datuk Indomo dan Pangeran Wirogono sebagai pengiktirafan terhadap keilmuannya dalam masyarakat Indonesia.

Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Al-Azhar pada tahun 1957, gelaran Professor dari Universiti Muestopo pada tahun 1960, dan Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974 (Alfian, 2014). Menurut Rusydi, HAMKA memiliki pengalaman kerjaya yang luas, antaranya ialah bekerja di Syarikat Percetakan Sayyid Hamid di Mekah pada tahun 1927.

Guru di Tabligh Muhammadiyah di Padang Panjang pada tahun 1931 sehingga 1934, mengasaskan Kuliah Al-Muballighin pada tahun 1935 seterusnya menjadi pengetuanya, ketua pengarang majalah Pedoman Masyarakat pada tahun 1936, memegang jawatan Pegawai Kementerian Agama pada tahun 1950 serta mengajar di pusat pengajian tinggi antaranya Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri Yogyakarta, Universiti Islam di Jakarta, Universiti Muslim di Makasar dan sebagainya (Rusydi, 2010). Pengalaman-pengalaman ini juga banyak membentuk pemikiran dan kreativiti HAMKA dalam berdakwah dan berpolitik.

### **Ujian Pemenjaraan dan Kematian**

HAMKA pernah dipenjarakan oleh Presiden Indonesia pertama, iaitu Soekarno. HAMKA ditangkap pada 28 Jan 1964 atas tuduhan merancang rampasan kuasa (*coup de etat*) untuk menggulingkan Soekarno melalui kerjasama dengan Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia, dan beliau juga didakwa menerima RM 4 juta sebagai ganjaran. HAMKA dikenakan hukuman penjara dan seterusnya ditukar kepada tahanan di rumah pada 21 Januari 1966.

Dalam tempoh penahanan tersebut, HAMKA berjaya menyempurnakan Tafsir Al-Azhar. Pada bulan Mei 1966, beliau dibebaskan oleh Presiden Soeharto apabila Soekarno digulingkan (Rusydi, 2010; Irfan, 2012; Hamka, 1985). HAMKA kembali aktif berdakwah, berpolitik dan berkarya selepas pembebasannya, sehingga beliau meninggal dunia pada hari Jumaat, 24 Julai 1981 bersamaan 27 Ramadhan 1401 di Rumah Sakit Pertamina ketika usianya 73 tahun. Kematianannya berpunca dari penyakit kencing manis dan kegagalan fungsi hati (Junedi, 2021).

### **Sumbangan dalam Dakwah dan Politik**

HAMKA telah memberi sumbangan yang banyak kepada perkembangan dan kemajuan masyarakat dalam pelbagai bidang terutamanya dakwah dan politik. Kedudukan HAMKA sebagai ulama dan pendakwah dapat dilihat melalui cita-citanya untuk membina Daulah Islamiah di Indonesia, penghasilan karya cereka sebagai wadah memperkatakan Islam dan Penglibatan dalam Majlis Ulama Indonesia (Affandy, 2019).

HAMKA memasuki arena dakwah melalui penyertaannya dalam gerakan sosial keagamaan Muhammadiyah sejak usia remaja pada tahun 1925 hingga akhir hayatnya. Pada tahun 1928, HAMKA dipilih sebagai Ketua Muhammadiyah Padang Panjang, seterusnya memegang jawatan-jawatan penting lain sehingga pada tahun 1953 beliau dilantik sebagai Anggota Pimpinan Pusat Muhammadiyah.

Bermula 1971 HAMKA dilantik sebagai Penasihat Pimpinan Pusat Muhammadiyah sehingga akhir hayatnya (Rusydi, 2010). Sepanjang penyertaannya di dalam gerakan ini, beliau menyebarkan dakwah, pemikiran dan pembaharuan melalui ucapan, pengajian agama, penulisan dan majlis pengajian agama serta program pendidikan di Masjid Al-Azhar yang berada di hadapan rumahnya di Kebayoran Baru (Jusoh, 2019).

HAMKA giat menyampaikan dakwah melalui penulisan. Menurut anaknya Rusydi Hamka, karya HAMKA yang telah dibukukan mencecah 118 naskah. Antara karyanya yang bercorak sastera ialah *Si Sabariah*, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Beliau mempunyai penulisan-penulisan artikel dalam pelbagai majalah seperti *Khatibul Ummah*, *Pedoman Masyarakat* dan *Mimbar Agama*. Karya yang berkaitan agama Islam pula antaranya ialah *Tasauf Moden*, *Sejarah Umat Islam*, dan *Tafsir al-Azhar* (Rusydi, 2010).

Tafsir al-Azhar merupakan karya utama HAMKA yang menjulang namanya sebagai ulama sekaligus pendakwah yang genius dan dinamik. Pratama (2017) merumuskan bahawa sumbangan Buya HAMKA dalam bidang dakwah sangat signifikan dan bersifat menyeluruh. HAMKA dikenali sebagai pendakwah yang berwibawa dan berpengaruh dalam Muhammadiyah, bukan sahaja kerana pidato-pidatonya yang berkesan, tetapi juga melalui karya-karya penulisannya yang luas dan mendalam dalam pelbagai bidang termasuk agama, sejarah, dan tasawuf.

Beliau juga menunjukkan contoh teladan yang baik dalam kehidupan sehari-hari yang mencerminkan nilai-nilai Islam yang inklusif dan toleran, menjadikannya tokoh dakwah yang diterima oleh pelbagai golongan umat Islam. Dari sudut politik, penglibatan HAMKA dalam dunia politik bermula dengan penyertaannya dalam Front Pertahanan Nasional dan Barisan Pengawas Negeri dan Kota untuk mempertahankan kemerdekaan Indonesia dari penjajahan Belanda.

HAMKA merupakan pemimpin dua pertubuhan ini dan mempunyai peranan yang besar dalam pembebasan dan gerila di mana beliau turun ke medan dan belantara serta menggerakkan masyarakat menentang Belanda (Irfan, 2012). Pada tahun 1945, HAMKA menganggotai Partai Majelis Syuro Muslimin Indonesia dan bergiat aktif melalui parti ini. Selepas Pemilihan Umum (PEMILU) 1955, beliau terpilih sebagai anggota Dewan Konstituante.

Penyertaannya dalam politik berpaksikan wawasan mendirikan Negara Islam dengan ciri-cirinya dalam perlembagaan negara serta menentang Partai Komunis yang menyebarkan pemikiran ateis. Pada 1974 pula, HAMKA dilantik sebagai Ketua Majelis Ulama Indonesia yang diasaskan untuk menguatkan pelaksanaan Islam dalam perlembagaan Indonesia dan memastikan penyertaan ulama dalam membangunkan negara. Beliau kemudiannya melepaskan jawatan ini pada tahun 1981 (Rusydi, 2008; Ismail & Mohd, 2022).

Khairol Fata (2020) merumuskan bahawa pemikiran politik HAMKA bersifat terbuka menerima idea-idea baharu dan bersifat luwes namun tetap bersandarkan kepada keyakinan beragama. Beliau berjaya menggabungkan budaya politik barat yang berasaskan kebebasan demokrasi dengan nilai-nilai politik Islam yang melahirkan konsep "*Demokrasi Taqwa*". HAMKA berpegang kepada keperluan integrasi politik dengan agama.

Bertitik tolak dari paradigma ini, HAMKA menetapkan matlamat perjuangan politik kenegaraan iaitu menjadikan Indonesia sebagai negara secara formal berdasarkan Islam. Beliau berpegang bahawa Islam tidak menentukan bentuk dan perincian sistem pemerintahan, sebaliknya membuka ruang yang luas untuk umatnya berijtihad dalam menentukan bentuk sistem pemerintahan yang sesuai dengan keperluan, tetapi bentuk dan sistem yang diwujudkan itu mestilah berasaskan nilai-nilai agama.

### **PENDEKATAN DAKWAH HAMKA MELALUI PENTAFSIRAN AYAT-AYAT BERKAITAN SIRAH NABAWIYYAH**

HAMKA merupakan tokoh yang bergiat aktif dalam dakwah sama ada melalui penulisan, ceramah, rancangan televisyen dan radio, kuliah di universiti, pentas politik dan sebagainya. Bertitik tolak dari pemikiran dakwah HAMKA dan kecaknaannya terhadap fungsi dakwah, pengkaji mendapati beliau banyak mengetengahkan isu-isu berkaitan dakwah dalam menghuraikan ayat-ayat berkaitan *Sirah Nabawiyyah*.

Pendekatan HAMKA dari aspek dakwah dapat dirumuskan dalam beberapa isi penting berikut:

#### **Pembentukan Peribadi Pendakwah**

Dalam bukunya "*Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*" HAMKA menegaskan, "*Jayanya atau suksesnya suatu dakwah memang sangat bergantung kepada pribadi dari pembawa dakwah itu sendiri yang sekarang lebih populer kita sebut dai*" (Hamka, 2018). Ini bermaksud, apabila pendakwah mempunyai pesonaliti yang menarik dakwahnya akan berhasil dan sebaliknya jika peribadinya tidak menarik pasti dakwahnya gagal. Oleh yang demikian, HAMKA sentiasa menekankan elemen keperibadian pendakwah. Penekanan ini dapat dilihat melalui huraianya terhadap ayat-ayat *Sirah Nabawiyyah* (Ismail, 2023).

Ketika mentafsir ayat-ayat di permulaan Surah al-Muddaththir yang diturunkan pada permulaan penurunan wahyu, HAMKA merumuskan lima ciri yang perlu ada pada pendakwah iaitu sentiasa mengingati Allah S.W.T dan mengagungkan-Nya, membersihkan pakaian luaran dan dalaman (jiwa), menjauhi dosa, tidak mengungkit kebaikan dan

bersabar di sepanjang jalan dakwah. Semua ciri-ciri ini perlu dimiliki oleh pendakwah untuk memastikan keberkesanan dakwahnya (Hamka, 1985).

Antara ayat yang mengisahkan tentang Perang Badar ialah Surah Ali 'Imran ayat 13. HAMKA mentafsirkan ayat ini dengan mengemukakan pengajaran yang perlu diambil oleh pendakwah iaitu berdakwah janganlah bertujuan untuk mengumpulkan harta kekayaan, tetapi ia mesti dilaksanakan atas dasar iman sebagaimana Ahli Badar yang beroleh bantuan Allah S.W.T kerana keikhlasan mereka.

Natijahnya, musuh melihat tentera Muslimin dua kali ganda dari jumlah asal mereka (Hamka, 1985). Seperti yang diketahui, faktor utama kekalahan tentera Islam di Medan Uhud ialah ketidakpatuhan para pemanah terhadap arahan Rasulullah SAW disebabkan ketamakan untuk mendapatkan harta rampasan. Firman Allah S.W.T berkaitan peristiwa ini:

﴿وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ. إِذْ تَحْسَبُوهُمْ بِأَيْدِيهِمْ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنْزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِمَّنْ بَعْدَ مَا أَرْسَلَكُمْ مِمَّا تُحِبُّونَ﴾

Maksudnya, "Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janji-Nya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan izinNya, sehingga ke masa kamu lemah dan kamu berbalah dalam urusan (perang) itu, serta kamu pula menderhaka (melanggar perintah Rasulullah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (harta rampasan perang)". (Al-Quran. Ali 'Imran: 152).

Dalam komentarnya, HAMKA mengingatkan para pendakwah supaya sentiasa bermuhasabah berkaitan niat mereka dalam berdakwah dan berjihad bermula dari permulaan, kemuncak dan penghujung jalannya. Jangan menjadikan harta dan habuan dunia sebagai matlamat (Hamka, 1985). HAMKA memberi motivasi kepada pendakwah agar tidak berputus asa, dengan mengambil inspirasi dari kisah Nabi SAW menerima Surah al-Dhuha selepas keresahan disebabkan terhentinya wahyu.

Dalam mentafsirkan surah ini khususnya ayat 4 dan 5, HAMKA mengingatkan pendakwah bahawa jalan dakwah sememangnya terdapat kesukaran pada awalnya, tetapi berakhir dengan kegembiraan dan kejayaan seperti yang dialami oleh Rasulullah SAW iaitu penaklukan wilayah, penerimaan dakwah, pengiktirafan dari pelbagai pihak dan sebagainya. Oleh itu, pendakwah perlu optimis terhadap kegemilangan Islam pada masa hadapan (Hamka, 1985).

HAMKA menjadikan peristiwa Hunain yang disebutkan di dalam Surah al-Taubah ayat 25 sebagai iktibar untuk pendakwah iaitu janganlah mudah terpesona dengan banyaknya jumlah pengikut, kerana kuantiti tidak menentukan kualiti. Pemimpin dakwah Islamiah pula diingatkan supaya sentiasa tetap teguh di saat pengikut menghadapi ujian ketakutan disebabkan cabaran dalam dakwah. Keteguhan Rasulullah SAW semasa berlaku kekalutan di permulaan Perang Hunain perlu dijadikan tauladan (Hamka, 1985).

### **Penjelasan berhubung Asas-Asas Akidah Islamiah**

Dalam buku "Prinsip & Kebijaksanaan Dakwah Islam" HAMKA secara terang menyatakan bahawa pokok utama dakwah ialah menjelaskan akidah Islamiah, iaitu asas-asas kepercayaan Islam. Dasar utama kepercayaan ini diambil langsung dari al-Quran (Hamka, 2018). Pemikiran ini jugalah yang diaplikasi oleh HAMKA di dalam huraianya terhadap ayat-ayat *Surah Nabawiyyah* di mana beliau banyak merungkai pengajaran berkaitan akidah.

Sebagai contoh, HAMKA secara konsisten menjelaskan bahawa beriman dengan qadha dan qadar Allah S.W.T tidak menafikan keperluan usaha dan tindakan (*asbab*). Semasa menghuraikan ayat 30 Surah al-Anfal, HAMKA mengemukakan bukti bahawa Nabi SAW mengambil usaha dan tindakan misalnya menggantikan Ali R.A ditempat tidur Baginda pada malam Hijrah dan meminta Asma' R.A menghantar bekalan makanan ke Gua Thur selama 3 hari.

Begitu juga ketika menghuraikan ayat 9 Surah al-Anfal berkaitan Badar, HAMKA menegaskan bahawa Nabi SAW berdoa dan bermunajat kepada Allah S.W.T. Ini tidak bermakna Nabi SAW tidak yakin dengan ketetapan Allah S.W.T, bahkan doa adalah satu usaha untuk mendapatkan pertolongan-Nya. Dari sisi yang lain, HAMKA menjelaskan bahawa setelah berusaha, orang beriman wajib percaya bahawa natijah sesuatu perkara bergantung kepada ketetapan Allah S.W.T.

HAMKA berkata ketika memberi ulasan terhadap ayat 154 Surah Ali 'Imran terkait kekalahan Muslimin di Uhud, *"Yang menentukan kalah atau menang bukanlah kita, melainkan Allah semata-mata menurut undang-undang sebab dan akibat yang telah tertentu. Kewajiban kita hanya berusaha sesuai pengetahuan yang ada pada kita"* (Hamka, 1985). HAMKA mengekstrak beberapa ciri iman yang sempurna dari ayat berkaitan Perang Tabuk, iaitu firman Allah S.W.T:

﴿لَا يَسْتَنْدِئُكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya, *"Orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak turut) berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa"* (Al-Quran. al-Tawbah: 44).

Ciri-ciri iman sempurna tersebut adalah sedia keluar berjihad walaupun jauh atau berat, taat perintah Rasulullah SAW dan sanggup membelanjakan harta untuk jihad. HAMKA kemudiannya merumuskan bahawa tanda kesempurnaan iman di dalam hati seseorang ialah amalan dengan menggunakan anggota badan dan tenaga (Hamka, 1985). Antara asas akidah yang diperjelaskan oleh HAMKA ialah hakikat kematian dan syahid.

Pada ulasan ayat 156 Surah Ali 'Imran berkaitan ungkapan penyesalan munafik dalam menerima berita kekalahan Uhud dan kematian tentera, HAMKA menerangkan bahawa seorang Mukmin yang hakiki wajib meyakini bahawa kematian adalah pasti, apabila tiba ajalnya ia akan berlaku sebagaimana ketetapan Allah S.W.T sama ada dalam perjalanan atau medan perang.

Manakala dalam tafsirannya terhadap ayat-ayat berkaitan syuhada Uhud dalam Surah Ali 'Imran ayat 169-171, HAMKA memperjelas konsep syahid dengan katanya, *"Orang yang mati dalam peperangan kebenaran itu tidak mati. Mereka tetap hidup dan tetap mendapat rezeki dari Tuhan. Bolehlah ditafsirkan, bahawa meskipun hancur badannya dikandung tanah, namun nama mereka tetap hidup dalam kenangan yang ditinggalkan"*. Bahkan beliau menyebutkan bahawa mereka hidup di alam lain iaitu hidup yang istimewa. Oleh itu, orang Mukmin tidak sepatutnya gentar menghadapi maut (Hamka, 1985).

### **Panduan Hukum Hakam serta Aplikasinya dalam Konteks Semasa**

Ben'umar al-Khasasi (2012) menyatakan bahawa menurut pandangan ulama, *Sirah Nabawiyah* mempunyai kedudukan penting dalam memahami nas syarak dan pengeluaran hukum. Oleh itu, merujuk kepadanya adalah salah satu metode yang diperlukan untuk memastikan ketepatan dalam pengeluaran hukum. HAMKA menjadikan Sirah Nabi SAW sebagai sumber hukum syarak untuk diaplikasi pada masa kini.

Misalnya, dalam ulasannya terhadap peristiwa Hijrah Nabi SAW dan pengajarannya yang terdapat pada Surah al-Nisa' ayat 100, HAMKA membicarakan hukum hijrah pada zaman sekarang. Beliau menukilkan pandangan ahli Tafsir yang menjelaskan bahawa wajib hijrah dengan tiga sebab, antaranya ialah untuk menyelamatkan agama dan bebas beramal dengannya.

Aplikasinya menurut HAMKA, di Indonesia hijrah adalah wajib sekiranya negara jatuh ke tangan tentera komunis seperti yang berlaku pada 30 September 1965. Di Negara Barat pula, wajib berhijrah ke negara lain sekiranya negara tersebut tidak membenarkan pengamalan ajaran agama atau wujudnya ancaman tersebarnya agama Kristian (Hamka, 1985).

Antara polemik hukum yang menjadi perdebatan dalam masyarakat Indonesia ialah kewujudan banyak masjid di satu daerah. HAMKA memanfaatkan huraian terhadap ayat 107-110 Surah al-Taubah berkaitan Masjid Dhirar untuk menjelaskan isu tersebut. Menurut HAMKA, tidak boleh disamakan hukum Masjid Dhirar dengan kewujudan banyak masjid seperti sekarang ini.

Ini kerana Masjid Dhirar yang dibina oleh munafikin semasa Nabi SAW berperang di Tabuk itu bertujuan memecah belahkan umat Islam. Justeru, Nabi SAW mengarahkan supaya ia diruntuhkan. Sebaliknya, beliau membuat kesimpulan bahawa kewujudan lebih daripada satu masjid di satu daerah kerana keperluan adalah dibolehkan. Pandangan ini selari dengan pendapat Imam Syafie yang mensyaratkan keizinan dari pemerintah.

Menurut HAMKA lagi, isu ini pernah berlaku di beberapa daerah antaranya Mandailing, Aceh, Nagari, Minangkabau, Kabupaten dan Payakumbuh (Hamka, 1985). Semasa menghuraikan Surah al-Anfal ayat 41, HAMKA memperincikan perbincangan tentang cara pembahagian harta rampasan Perang Badar. Menurutnya, harta tersebut dibahagikan kepada lima bahagian, satu perlima 1/5 harta rampasan tersebut untuk Allah S.W.T dan Rasul-Nya SAW, manakala empat perlima 4/5 daripadanya untuk dibahagikan kepada sesama tentera. Berkenaan 1/5 untuk Allah S.W.T dan Rasul-Nya SAW.

HAMKA menyebut tafsiran al-Qurtubi yang terkandung di dalamnya enam pandangan ulama. Beliau kemudiannya merumuskan bahawa Rasulullah SAW berhak mengambil 1/5 daripadanya untuk anak-anak dan kerabatnya dengan kadar yang patut. HAMKA berpandangan pelaksanaan hukum ini di zaman sekarang bergantung kepada pemerintah. Beliau mencadangkan bahagian tersebut digunakan untuk kemaslahatan masyarakat (Hamka, 1985; al-Qurtubi, 1964).

### Penjelasan tentang Nilai-Nilai Akhlak Islamiah

Salah satu falsafah hidup Muslim yang diberi penekanan oleh HAMKA ialah akhlak mulia, beliau berkata: *"Agama Islam menjadi agama yang menegakkan keutamaan budi (akhlak mulia), bahkan keutamaan itulah yang menjadi seruannya"* (Hamka, 2009). HAMKA mendorong umat Islam supaya berakhlak mulia kerana ia merupakan perangai para Rasul, orang terhormat, orang *muttaqin* dan ahli ibadah (Hamka, 2017). Pemikiran HAMKA tentang akhlak mulia ini dapat dilihat dengan jelas melalui kupasannya terhadap ayat-ayat Sirah di mana beliau banyak memberi penjelasan berkaitan nilai-nilai akhlak Islamiah.

Dalam mentafsir ayat 12 Surah al-Nur berkaitan Peristiwa al-Ifk, iaitu tuduhan zina terhadap Aisyah R.A, HAMKA mengulas pengajaran akhlak bagi orang beriman iaitu berbaik sangka kepada saudaranya. Bahkan, orang beriman sepatutnya menganggap saudaranya itu sebagai dirinya sendiri. Sikap berbaik sangka adalah cerminan dari kesempurnaan iman. Oleh itu, berburuk sangka tidak harus berlaku dalam masyarakat Islam. Allah S.W.T berfirman:

﴿لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِأَنفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ﴾

Maksudnya, *"Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata"* (Al-Quran. Al-Nur: 12).

Memaafkan kesalahan orang lain adalah akhlak mulia yang dianjurkan oleh Islam. Menurut HAMKA, melalui ayat 43 Surah al-Taubah yang membicarakan kesilapan ijtihad Nabi SAW yang memberi keuzuran kepada orang munafik dari menyertai Perang Tabuk, Allah S.W.T memberikan pendidikan akhlak untuk memaafkan orang lain. HAMKA menjelaskan bahawa Allah S.W.T memulakan ayat dengan menyebut "kemaafan" kemudian barulah menyebut "kesalahan" supaya perkara itu tidak membebankan perasaan Nabi SAW kerana kesalahan itu bersifat ijtihad (Hamka, 1985).

Oleh yang demikian, kita mestilah belajar dari kelembutan Allah S.W.T dalam memberi kemaafan kepada Nabi SAW dengan memaafkan orang yang bersalah, lebih-lebih lagi kesalahan itu bersifat ijtihad (Ismail, 2023). Menurut HAMKA, Nabi SAW memaafkan

*musyrikin* semasa Pembukaan Mekah walaupun mereka menghalaunya keluar dari negeri sendiri 8 tahun sebelumnya. Nabi SAW menundukkan kepala tanda merendah diri walaupun Baginda adalah penakluk pada masa itu (Hamka, 1985).

HAMKA mengetengahkan bahawa akhlak Muslim adalah menjaga lisan dengan tidak melaknat orang lain. Pengajaran ini dirumuskan melalui kisah teguran Allah S.W.T terhadap Nabi SAW apabila memohon laknat ke atas pemuka-pemuka Quraisy kerana membunuh Hamzah R.A dan syuhada' lain dalam Perang Uhud sebagaimana riwayat Bukhari, Tirmizi, Nasa'i dan Ahmad. Apabila mengulas ayat 128 Surah Ali 'Imran.

HAMKA mengatakan bahawa Allah S.W.T melarang Nabi-Nya SAW memohon keburukan ke atas musyrikin kerana ia adalah urusan Allah S.W.T sama ada memberi taubat atau seksaan kepada mereka. Justeru, dengan turunnya ayat ini, hanya sekali itu sahajalah kata-kata memohon laknat keluar dari mulut Nabi SAW (Hamka, 1985).

### **Respons berkaitan Isu-Isu Kemasyarakatan**

Para pengkaji meletakkan Tafsir al-Azhar dalam kategori *tafsir ijtimā'ie*, iaitu tafsir yang menjadikan al-Quran sebagai petunjuk dalam menghadapi permasalahan berkaitan dengan kehidupan masyarakat khususnya di zaman sekarang dengan cara mengemukakan solusi berasaskan kefahaman dari al-Quran (Hamka, 2010; Ismail & Mohd, 2023). Oleh yang demikian, apabila menganalisis pendekatan HAMKA dalam mengulas ayat-ayat Sirah, pengkaji mendapati beliau banyak memberi reaksi terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat.

HAMKA memberi peringatan kepada umat Islam berkaitan penyebaran agama Kristian di sana. Kesempatan menghuraikan ayat 36 Surah al-Anfal berkaitan usaha Abu Sufyan mengumpulkan dana untuk memerangi Muslimin dalam Perang Uhud digunakan oleh HAMKA untuk mengaitkannya dengan apa yang berlaku di negara-negara Islam. HAMKA mengulas dengan mengatakan bahawa ayat ini mengandungi pengajaran untuk kita di zaman ini di mana orang-orang kafir sanggup menyediakan jutaan dolar dana untuk menyebarkan fahaman Kristian.

Pelbagai pendekatan yang mereka lakukan untuk merosakkan jati diri generasi muda seperti penyebaran majalah lucah, buku yang mengghairahkan, gambar lucah, filem seksual dan seumpamanya. Justeru, umat Islam dituntut menghadapi gerakan ini (Hamka, 1985). Komitmen HAMKA dalam menentang gerakan ini di rekodkan oleh anaknya yang bernama Rusydi dalam satu buku kecil berjudul "*Umat Islam Menghadapi Tantangan Kristenisasi & Sekularisasi*" (Rusydi, 2003).

Menurutnya juga, sebagaimana Nabi SAW membersihkan pemikiran dan anasir jahiliah melalui Proklamasi *Bara'ah*, segala bentuk pemikiran dan amalan songsang yang menyimpang daripada ajaran Islam mesti dibersihkan (Hamka, 1985). Antara fenomena menyimpang yang berleluasa di Indonesia pada zaman HAMKA ialah pengagungan melampau terhadap pihak yang mendakwa diri mereka sebagai keturunan Rasulullah SAW.

Mereka dianggap tidak berdosa walaupun melakukan maksiat, bahkan akan dimasukkan ke syurga secara percuma. Saat membicarakan kisah dakwah Nabi SAW kepada keluarga dan kerabatnya selepas penurunan wahyu pertama yang disebut dalam Surah al-Syu'ara' ayat 214, HAMKA menempelak pegangan tersebut dengan mengatakan bahawa ia adalah batil dan bercanggah dengan syariat. Nasab keturunan tidak bernilai di sisi agama, namun yang menjadi penentu adalah iman dan amal soleh (Hamka, 1985).

Dalam huraian Surah al-Masad pula, HAMKA menjadikan kisah Abu Lahab, bapa saudara Nabi SAW, sebagai bukti bahawa keturunan tidak berguna sekiranya menentang Islam (Hamka, 1985). Isu ini mendapat perhatian HAMKA sehingga dibincangkan secara tuntas di dalam bukunya yang bertajuk "*Teguran Suci & Jujur terhadap Mufti Johor*" (Hamka, 2010; Ismail & Mohd, 2023).

HAMKA menyeru menghentikan pemerintahan secara diktator dalam masyarakat Indonesia. Beliau menyuarakan seruan ini ketika membahas berkenaan amalan syura Rasulullah SAW di medan Badar dan Uhud seperti diperintahkan oleh Allah S.W.T di dalam

Surah Ali 'Imran ayat 159. Beliau menegur pemimpin-pemimpin masyarakat seperti Lurah, Kepala, Gubernur dan lain-lain yang bertindak sesuka hati secara diktator.

Syura perlu dihidupkan semula di masa ini, bahkan beliau berpendapat kejatuhan Kerajaan Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyah antaranya berpunca daripada pemerintah yang meninggalkan syura sedangkan rakyat mahukannya, justeru itu, mereka memilih sistem demokrasi berbanding khilafah (Hamka, 1985).

## **PENDEKATAN POLITIK HAMKA MELALUI PENTAFSIRAN AYAT-AYAT BERKAITAN PERISTIWA-PERISTIWA SIRAH NABAWIYYAH**

### **Penjelasan tentang Nilai-Nilai Politik Islam**

Sebagai ahli politik yang mempunyai pemikiran dan misi yang Islamik, HAMKA berpendirian bahwa agama dan negara tidak dapat dipisahkan, ibarat roh dan jasad (Hamka, 1952). Menurut Khoirul Fata (2020), HAMKA menggunakan hujah tertegaknya Negara Islam Madinah pada zaman Nabi SAW sebagai bukti yang jelas bahawa agama dan politik tidak bercerai. Justeru, dalam membina negara, HAMKA sentiasa berusaha menerapkan falsafah dan nilai-nilai politik Islam sebagai teras utama. Pendekatan ini dapat dilihat dengan jelas dalam huraianya terhadap ayat-ayat *Sirah Nabawiyyah*.

HAMKA menekankan ketaatan kepada pemimpin sebagai nilai terpenting dalam politik Islam. Pengajaran ini dirumuskan daripada kisah persaudaraan Muhajirin dan Ansar melalui huraian Surah Ali 'Imran ayat 103. Menurut beliau, di dalam ayat ini terdapat isyarat bahawa disiplin berorganisasi dan ketaatan kepada pemimpin adalah asas kesatuan kefahaman yang menatijahkan kekuatan. HAMKA kemudiannya menguatkan lagi pengajaran ini melalui ulasannya terhadap kemenangan Muslimin di Badar sebagaimana firman Allah S.W.T:

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ. وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya, *"Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cecal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar"* (Al-Quran. Al-Anfal: 46).

HAMKA mengulas dengan menyatakan bahawa ketaatan kepada pemimpin adalah asas kemenangan, manakala menentang arahan pemimpin merupakan sebab kelemahan dan kekalahan sekalipun memiliki anggota yang ramai dan senjata yang banyak (Hamka, 1985). HAMKA menjelaskan bahawa dasar syura merupakan ciri utama politik Islam. Umat Islam wajib bermesyuarat dalam urusan bermasyarakat dan bernegara.

HAMKA mengetengahkan perkara ini ketika menghurai ayat berkaitan Perang Uhud iaitu Surah Ali 'Imran ayat 159, beliau berkata, *"Dengan ayat yang kita tengah tafsirkan ini yang didahului pula oleh ayat 38 Surat 42 (as-Syura), jelaslah bahawa syura atau musyawarat jadi pokok dalam pembangunan masyarakat dan negara Islam"*. Rasulullah SAW tidak menetapkan kaedah pengamalan syura secara khusus, justeru pendekatannya boleh berbeza mengikut kesesuaian tempat dan zaman (Akmal & Agustina, 2020; Hamka, 2020).

Justeru itu, HAMKA berpandangan bahawa sistem demokrasi, pilihanraya dan parlimen adalah satu bentuk pengamalan syura (Hamka, 1985). Nilai politik Islam lain yang diketengahkan oleh HAMKA ialah mendahulukan perdamaian. Hal ini dapat dilihat melalui huraianya bagi permulaan Surah al-Fath. Penerimaan Rasulullah SAW terhadap Perjanjian Damai Hudaibiah dianggap oleh HAMKA sebagai pendekatan politik yang bijak kerana ia menjadi pencetus kepada Pembukaan Mekah.

Melalui perdamaian yang diterima oleh Nabi SAW ini, orang musyrikin berpeluang mengenali kehidupan masyarakat Islam dalam tempoh gencatan senjata. Golongan yang memusuhi Islam secara tidak langsung dapat melihat kebaikan yang terdapat dalam Islam sehingga dalam kalangan mereka ada yang mula tertarik dengan Islam. Natijahnya, secara tidak langsung perdamaian tersebut menyumbang kepada kemenangan Islam (Hamka, 1985).

### **Perbahasan tentang Konsep Kenegaraan**

Pemikiran HAMKA berkaitan politik adalah menggabungkan antara unsur nasionalisme dan Islamisme. Dalam membangkitkan semangat patriotik di Indonesia, HAMKA berpendirian bahawa Islam perlu menjadi tunjang utama perlembagaan kerana ia mampu menyatukan pelbagai bangsa dan keturunan di negara ini. Menurut Siddiq Fadhil, HAMKA menolak semangat kenegaraan yang berasaskan fanatik perkaum (*chauvinism*), sebaliknya beliau menggabungkan fikrah bernegara dan fikrah Islam.

Negara perlu mengikut ciri-ciri dan dasar-dasar Islam (Ishak, 2018). Kajian Akmal & Agustina (2018) mendapati HAMKA adalah seorang agamawan dan negarawan ulung, bahkan seorang ahli Tafsir yang berperanan besar dalam mengintegrasikan nilai bernegara dan beragama khususnya di dalam Tafsir al-Azhar. Semangat kenegaraan HAMKA dapat dilihat melalui huraian terhadap ayat-ayat Sirah, antaranya ialah seruan menyuburkan sikap toleransi antara kaum di Indonesia.

Mengulas ayat 8 Surah al-Mumtahanah yang diturunkan selepas kemenangan Muslimin di Badar, HAMKA mengatakan bahawa ayat ini menjadi pegangan Muslimin di Indonesia dan negara-negara Islam yang lain untuk hidup secara harmoni dan bertoleransi dengan bukan Islam (Hamka, 1985). Bahkan, menurut Wan Sabri Wan Yusof, ayat inilah yang menjadi sandaran HAMKA dalam bertoleransi dengan kepelbagaian agama dan perbezaan mazhab yang ada di Indonesia (Ishak, 2018).

Kemerdekaan dari penjajahan politik, ketenteraan, ekonomi, budaya dan seumpamanya adalah perlu dipertahankan. HAMKA menyeru masyarakat Islam Indonesia supaya mensyukuri dan mempertahankan nikmat kemerdekaan yang dimiliki. Beliau mengaitkan kemerdekaan dengan kemenangan Muslimin di Badar sebagaimana disebutkan di dalam Surah al-Anfal ayat 26. Allah S.W.T menuntut Muslimin mensyukuri nikmat kemenangan ini dan mengingatkan bahawa mereka dahulunya sedikit dan lemah sebelum diberi kemenangan.

Dengan itu, HAMKA menyeru umat Islam supaya menjauhi fitnah iaitu perpecahan yang membawa kepada hilangnya nikmat kemerdekaan ini. Beliau berpesan, *"Maka awaslah diri dari fitnah, dan syukuri Allah atas nikmat kemerdekaan yang telah diberikan, dan jadikanlah kemerdekaan itu jambatan emas untuk mencapai tujuan yang terakhir, yaitu menegakkan Ridha Allah dalam negeri sendiri dan untuk memancarkan pula sinarnya ke seluruh dunia"* (Hamka, 1985).

Antara perihal kenegaraan yang dibangkitkan oleh HAMKA ialah keperluan menyumbang harta, kepakaran dan tenaga untuk mempertahankan agama dan negara. Beliau merumuskan pengajaran ini dari seruan keluar berjihad dengan harta dan jiwa ke Tabuk sebagaimana yang terdapat di dalam Surah al-Taubah ayat 41.

Secara khusus, HAMKA menegaskan keutamaan sumbangan ini untuk mempersiapkan kelengkapan pertahanan negara kerana ia merupakan ruang kemasukan penjajah. Menurutnya, sekiranya penjajah telah menguasai negara, urusan agama dan politik akan dikawal sepenuhnya oleh mereka. Kesannya, umat Islam tidak lagi mempunyai kebebasan mengamalkan agamanya (Hamka, 1985).

### **Panduan Dasar-dasar Pentadbiran dan Pengurusan Negara**

Berkenaan mentadbir dan mengurus negara, HAMKA menegaskan bahawa Rasulullah SAW melalui panduan daripada Allah S.W.T telah meninggalkan dasar-dasar yang kukuh bagi umat Islam supaya mereka turut serta membina, menegakkan dan mengukuhkan negara dengan matlamat mencapai kedamaian dan kesejahteraan. Menurutnya, untuk menegakkan kembali kekuasaan Islam, kita haruslah kembali kepada cara pemerintahan zaman Rasulullah SAW (Hamka, 2020).

Bertitik tolak dari pemikiran ini, HAMKA dilihat banyak mengetengahkan dasar-dasar pemerintahan Rasulullah SAW dalam menghuraikan ayat-ayat berkaitan Sirah. Sebagai contoh, HAMKA memperjelas dasar pentadbiran dan pengurusan negara melalui keterangan ayat 39-41 Surah al-Haj berkaitan keizinan berperang yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat Islam setelah berhijrah ke Madinah.

Katanya, ayat-ayat ini menerangkan pentingnya mempersiapkan kekuatan untuk pertahanan negara dari aspek persenjataan, aset dan kenderaan perang yang moden semaksimum yang mungkin. Tujuan pertahanan negara ialah untuk memastikan umat Islam bebas beribadah di dalam negara mereka dan orang bukan Islam juga bebas beribadah di dalam negara Islam (Hamka, 1985).

HAMKA menekankan perlunya kebersamaan pemimpin dengan rakyat dalam mengurus negara. Kebersamaan Nabi SAW dengan para Sahabat R.A dalam menggali parit (*khandak*) dalam Perang Ahzab menjadi hujah bahawa pemimpin yang berpengaruh ialah pemimpin yang turun padang dan bekerja bersama rakyat. Dalam huraian ayat 9-25 Surah al-Ahzab, HAMKA menyindir sebahagian pemimpin zaman sekarang yang hanya turun untuk merasmikan sesuatu projek, bangunan atau pusat ibadah tanpa melibatkan diri dalam aktiviti bersama rakyat.

Menurutnya lagi, disiplin, kesungguhan dan kegembiraan dalam bekerja, keterbukaan menerima cadangan serta kerja keras pemimpin bersama rakyat merupakan rahsia kejayaan sesebuah negara (Hamka, 1985). Menurut HAMKA, dalam satu masyarakat yang teratur, keamanan dan ketenteraman awam wajib dijaga. Di samping itu, kehormatan ketua negara juga perlu dipelihara. Justeru, sebarang usaha menjatuhkan imej pemimpin tertinggi negara adalah perbuatan terkutuk dan perlu ditangani dengan segera.

HAMKA merumuskan pengajaran ini daripada kisah tuduhan zina terhadap Aisyah R.A, isteri Rasulullah SAW, di dalam tafsirannya terhadap Surah al-Nur ayat 14. Tambahnya, dalam sistem demokrasi yang diamalkan dalam dunia moden memberi kebebasan bersuara. Namun, ia bukan alasan untuk melemparkan tuduhan yang mencalarakan kehormatan seseorang pemimpin. Penguasa berhak mewujudkan peraturan bagi menghentikan amalan demokrasi yang salah ini demi memelihara keamanan (Hamka, 1985).

HAMKA menyentuh polisi pengurusan kewangan negara ketika menghuraikan kisah Perang Bani Nadhir sebagaimana terdapat di dalam Surah al-Hasyr ayat 7 dan seterusnya. Katanya, harta penghasilan negara yang diperolehi daripada musuh termasuk *al-Fai*, *Jizyah*, *Kharaj* dan *Ghanimah* perlu digunakan oleh pemerintah untuk kemaslahatan negara terutamanya untuk memperkuat pertahanan negara, menyediakan kemudahan asas dan pembangunan, dengan mengutamakan perkara yang lebih penting untuk kepentingan rakyat.

Harta yang dipungut dari kaum Muslimin dalam bentuk sedekah atau zakat pula mesti dimanfaatkan untuk kemaslahatan fakir miskin dan pekerja-pekerja yang menguruskannya (Hamka, 1985). HAMKA menekankan integriti dalam pengurusan harta negara. Beliau mengetengahkan nilai ini dalam huraian berkaitan isu harta rampasan Perang Badar dan Uhud dalam ayat 161 Surah Ali 'Imran dengan ulasannya: "*Ayat ini dapat kita ambil saripatinya untuk menjadi i'tibar bagi kita, jika kita mendapat kesempatan menduduki tempat mulia sebagai kedudukan Nabi ketika itu, yang menjadi Kepala Perang atau Kepala Pemerintah, bahawa jika ada kekayaan negara, jangan dicurangi*".

Beliau juga menyamakan perbuatan khianat yang dilarang di dalam ayat tersebut dengan korupsi, bermewah dan mengkayakan diri sendiri dengan harta negara serta mengabaikan keperluan rakyat (Hamka, 1985). HAMKA berpandangan bahawa negara perlu dibersihkan dari anasir jahiliah dan pemikiran sesat. Proklamasi *Bara'ah* (putusnya perjanjian-perjanjian yang dibuat antara Nabi SAW dengan musyrikin)

Dalam ayat 1-3 Surah al-Taubah, yang dibacakan oleh Ali bin Abi Talib K.W semasa menunaikan Haji pada tahun ke-9 Hijrah dijadikan hujah oleh HAMKA bahawa pentingnya Negara Islam memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan dan membasmi sebarang kesesatan jahiliah. Menurutnya, pusat ibadah juga wajib dibersihkan dari amalan dan pengaruh pemikiran menyimpang yang datang dari luar Islam (Hamka, 1985).

## **PENUTUP**

Mempelajari Sirah Nabi SAW merupakan suatu tuntutan kerana padanya terkandung pelbagai panduan serta pengajaran yang merangkumi segenap aspek kehidupan, termasuk aspek dakwah dan politik. Para pendakwah dan ahli politik perlu menjadikan Sirah Nabi

SAW sebagai rujukan bagi mewujudkan gerakan dakwah dan politik yang efektif. Al-Quran menjadi sumber utama *Sirah Nabawiyyah* meskipun ia tidak memperincikan semua peristiwa, tetapi di dalamnya menyebut peristiwa penting dan pengajaran berkaitannya.

Rujukan kepada kitab tafsir juga penting untuk memahami maksud dan mesej-mesej ayat berkaitan Sirah Nabi SAW. Antara tokoh dalam bidang Tafsir yang boleh dijadikan rujukan dalam perkara ini ialah HAMKA. Hal ini kerana, selain mempunyai ketokohan dalam keilmuan Islam, beliau juga merupakan penggerak dakwah dan aktivis politik yang berpengaruh.

Hasil kajian menunjukkan pendekatan dakwah HAMKA menekankan pembentukan peribadi pendakwah, penjelasan berhubung asas-asas akidah Islamiah, panduan hukum hakam serta aplikasinya dalam konteks semasa, penjelasan tentang nilai-nilai akhlak Islamiah dan memberi respons berkaitan isu-isu yang berlegar dalam masyarakat. Sementara itu, pendekatan politik beliau memberi tumpuan kepada penjelasan tentang nilai-nilai politik Islam, perbincangan tentang konsep kenegaraan dan mengetengahkan panduan dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan negara bersumberkan kepimpinan Nabi SAW.

Ringkasnya, pendekatan dakwah dan politik HAMKA ini adalah manifestasi pemikiran dan kecaknaannya terhadap kedua-dua aspek tersebut di Indonesia dan Nusantara. Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan HAMKA berpotensi menjadi rujukan utama dalam memahami relevansi Sirah Nabi SAW bagi menangani cabaran dakwah dan politik semasa. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman lebih meluas terhadap relevansi panduan *Sirah Nabawiyyah* untuk dipraktikkan pada zaman moden.

## RUJUKAN

- Affandy, Muhammad Yusry. (2019). *Hamka: Permata Tafsir Bumi Nusantara*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Akmal R. G. & Hsb. Agustina. (2019). Dakwah Hamka Menjawab Isu-Isu Kenegaraan dalam Tafsir Al-Azhar. *Jurnal Tsaqafah*, 15(1), 83-102.
- Al-Buti, Sa'id Ramadhan. (1998). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Alfian, M. Alfian (2014). *Hamka dan Bahagia*. Bekasi: Penjuru Ilmu.
- Al-Ghawri, Sayyid Abdul Majid. (2016). *Mabadi al-Ta'amul Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Bandar Sri Putra: Penerbit INHAD.
- Al-Humaydan, 'Ishom bin Abdul Muhsin. (T.th). *al-Sirah al-Nabawiyyah min Khilal Aham Kutub al-Tafsir*. Al-Madinah al-Munawwarah: Majma' Fahd.
- Ali 'Abid, Muhammad bin Bakr. (2011). *Hadith al-Quran al-Karim 'an Ghazawat al-Rasul*. Tunisia: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Khasasi, Ben'umar. (2012). *Min Juhud al-Ulama'fi Istinbat min al-Sirah al-Nabawiyyah: Tasarrufat al-Rasul SAW Unmujazan*. Fes: Mu'assasah al-Buhuth wa al-Dirasat al-Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Sharqawi, Ahmad Muhammad. (2007). *Al-Bayan al-Qur'ani li al-Sirah al-Nabawiyyah: Dirasah Manhajiyyah*. Al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah, Lahore.
- Amin, Sukron. (2017). *Identitas Politik Islam Masa Nabi Muhammad Dan Khulafa Al-Rasyidin*. Tesis Sarjana. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Amrullah, Abdul Malik Karim (Hamka). (1952). *Revolusi Agama*. Jakarta: Pustaka Islam.
- Day, Syamsul Bachri. (2005). *Hubungan Politik dan Dakwah*. Mediator: Jurnal Komunikasi, 6(1), 1-16.
- Fata, Ahmad Khoirul. (2020). *Pemikiran dan Peran Politik, Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA)*. Tesis Ph.D. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah.
- Hamka. (1985). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (2007). *Ayahku*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. (2009). *Falsafah Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. (2010). *Teguran Suci & Jujur terhadap Mufti Johor*. Shah Alam: Pustaka Dini.

- Hamka. (2017). *Akhlaqul Karimah*. Jakarta: Gema Insani.
- Hamka. (2018). *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Hamka. (2020). *Negara Islam*. Bangi: Jejak Tarbiah Publication.
- Ibn Kathir, Ismail. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Irfan Hamka. (2012). *Hamka: Pendekar Terbilang*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Ishak, Md Sidin Ahmad. (2018). *Pemikiran dan Perjuangan HAMKA*. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Ismail, Mohd Arubi. & Mohd, Nadzirah. (2022). *Hamka and His Trends in Extracting the Highlights and Lessons from the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in Tafsir al-Azhar*. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 892-914.
- Ismail, Mohd Arubi & Mohd, Nadzirah. (2023). *Hamka and The Employment of Prophetic History's Highlights and Lessons for His Social Approach: An Analytical Study in Tafsir Al-Azhar*. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 261-282.
- Ismail, Mohd Arubi. (2023). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah Bayna Sayyid Qutb wa Hamka fi Tafsirayhima: Dirasah Manhajiyah Muqaranah*. Risalah Dukturah. Maliziya: al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah.
- Junedi, Aimi Rasyida. (2021). *Perjalanan Terakhir Buya Hamka*. Bangi: Jejak Tarbiah.
- Jusoh, Yus'aiman. (2019, October 22). *Sumbangan dan Legasi Hamka sebagai Ulama Tersohor Nusantara*. Kertas kerja persidangan. Persidangan Antarabangsa ke-3 Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.
- Marzuq, 'Abd al-Sabur. (1994). *Al-Sirah al-Nabawiyah fi al-Qur'an*. Mesir: Dar al-Kutub.
- Nik Mat, Nik Hazimah, Salleh, Hayatul Safrah, Yusof, Yusnita, Mohamed, Wan Norhayati & Noor, Nor Azila Mohd. (2021). *Panduan Penyelidikan Ilmiah*. Sintok: UUM Press.
- Nizar, Samsul. (2012). *Prof. Dr. Hamka: Dinamika Sosial, Intelektual & Pemikirannya Tentang Pendidikan Islam*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Piaw, Chua Yan. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Pratama, Surya. (2017). *Kontribusi Buya HAMKA dalam Perkembangan Dakwah Muhammadiyah Tahun 1925-1981*. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.
- Pratami, Hidayah. (2020). *Karakteristik Dakwah Buya Hamka*. Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri Metro.
- Qutb, Sayyid. (2009). *Fi Zilal Al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Raihan. (2019). *Dakwah Menurut Perspektif Buya Hamka*. *Al-Idarah: Jurnal Manajemen dan Administrasi Islam*, 3(1), 57-72.
- Rusydi Hamka. (2003). *Umat Islam Menghadapi Tantangan Kristenisasi & Sekularisasi*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Rusydi Hamka. (2010). *Hamka: Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu*. Shah Alam: Pustaka Dini.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*